

15/03/1997

Lautan manuskrip di perpustakaan Iran

Shaharom TM Sulaiman

AGAK sukar untuk mempercayai pandangan Profesor Harun Nasution (pemikir Islam Indonesia) bahawa "... tradisi pemikiran falsafah di dunia Sunnah sudah mati tetapi di dunia Syiah, khususnya Iran, masih hidup dan berkembang maju..."

Pandangan ini dinyatakan sekitar 20 tahun lalu dan kita sukar memahami apa yang dimaksudkan oleh Prof Harun.

Di Malaysia, kita mungkin biasa berkenalan dengan pemikiran Dr Ali Shariati dan Profesor Seyyed Hoessein Nasr melalui karya mereka yang diterjemahkan, tetapi kita mungkin belum biasa dengan pemikiran Murtadha Muttahari, Muhammad Baqir Sadr, Tabathabai dan yang lain.

Sebagai contoh, karya Muhammad Baqir Sadr seperti 'falsafahtuna' atau karya Muttahari, iaitu 'pengantar logik', kita akan berasa terpegun dengan kehebatan pembahasan-pembahasan yang menarik dan bernas.

Kita akan terpegun lagi kerana pemikiran-pemikiran itu lahir dari tangan golongan 'Ayatollah' yang dari segi tradisionalnya hanya seorang ulama.

Percayakah kita melihat perbincangan ekonomi atau falsafah peringkat tinggi dihasilkan oleh golongan Ayatollah?

Mungkin juga kita tidak menjangka bahawa sudah banyak buku-buku ekonomi ditulis oleh Hashemi Rafsanjani (Presiden Iran yang juga ulama).

Khutbah-khutbah Jumaatnya selalu diisi dengan laporan pembangunan, itu belum lagi didedahkan kepada karya-karya ulama klasik mereka seperti Al-Amudi, Mulla Sadra dan As-Saduq yang menulis berjilid-jilid buku.

Pandangan Prof Harun itu terasa kebenarannya apabila penulis berpeluang meninjau dan melawat beberapa perpustakaan di Iran, baru-baru ini.

Di Iran, tradisi keilmuan masih terpelihara dengan baik. Kitab-kitab lama masih diajar dan dikaji, bahkan turut dikritik, khususnya di institusi pengajian tradisional.

Kritikan-kritikan itu lahir dari pemikiran baru, dan pemikiran baru itu pula bukan diimport dari luar, bahkan bertolak dari tradisi itu juga. Oleh itu, ilmu pengetahuan adalah satu 'pengumpulan' (accumulation).

Ilmu pengetahuan yang tinggi itu sebenarnya selalu berdiri di puncak kebenaran.

Penulis agak terpegun akan ratusan ribu khazanah manuskrip yang luar biasa tersimpan di pelbagai perpustakaan di Iran.

Manuskrip-manuskrip yang dihasilkan oleh Ibnu Sina, Al-Hilli, Al-Tulsi dan Firdausi masih dipelihara dengan baik.

Penulis berkesempatan mengunjungi Perpustakaan Ayatollah Marashi Najafi di Qom. Jumlah simpanan perpustakaan melebihi 100,000 manuskrip dalam pelbagai bahasa termasuklah Parsi, Arab, Urdu dan Turki.

Apa yang menarik mengenai perpustakaan ini ialah, ia berasal dari sebuah perpustakaan peribadi Ayatollah Marashi Najafi.

Beliau mula mengumpul manuskrip ketika berumur 20 tahun dan untuk membeli manuskrip, beliau hanya makan sekali sehari dan mengambil upah sembahyang Qadha.

Menurut anaknya, Dr Mahmood Marashi, 'ayahnya mengabdikan sebahagian besar kehidupannya mengumpul manuskrip sehingga beliau berwasiat supaya jasadnya disemadikan di perpustakaan.'

Ayatollah Marashi meninggal dunia ketika berusia 96 tahun dan penulis sendiri melihat makamnya di pintu masuk perpustakaan itu.

Ini contoh komitmen luar biasa seorang ulama terhadap khazanah ilmu pengetahuan. Perpustakaan ini bukan sahaja 'luar biasa' dari segi koleksi

manuskrip, tetapi juga mempunyai koleksi majalah lama, mikrofilem dan bahagian membaiki buku dengan peralatan serba canggih.

Penulis sendiri melihat lebih daripada 30 jilid indeks mengenai manuskrip yang ada di perpustakaan itu.

Menurut Dr Mahmood lagi, 'adalah menjadi harapan ayahnya supaya perpustakaan itu menjadi pusat rujukan bagi semua mahasiswa Islam dari seluruh dunia.'

Oleh kerana bangunan perpustakaan sekarang tidak dapat menampung jumlah bahan yang semakin bertambah, sebuah bangunan tambahan sedang didirikan, yang mampu menampung tiga juta naskhah dan dijangka siap dalam tempoh setahun ini.

Keadaan yang hampir sama juga ada di Perpustakaan Astan Quds Razavi di Mashad, yang mempunyai puluhan ribu manuskrip.

Menurut pengarah perpustakaan itu, Dr Adhalan, 'aktiviti sebenar' perpustakaan ini bermula sejak 861 Hijrah dan di sini juga tersimpan 12,000 manuskrip al-Quran.

Perpustakaan ini bukan sahaja hebat dari segi koleksi manuskrip tetapi juga hebat dari segi rekabentuk dan senibina bangunannya.

Apa yang menarik mengenai perpustakaan ini ialah, ia mempunyai bahagian menghias buku yang bertanggungjawab menonjolkan aspek kesenian, sama ada dari segi kaligrafi atau iluminasi dalam menghias buku, khususnya manuskrip.

Di sini juga ada sejumlah 36,000 gulung mikrofilem yang dibuat salinan dari manuskrip dan 16,700 judul jurnal baru dan lama dalam pelbagai bahasa tersimpan di perpustakaan.

Penulis juga berpeluang mengunjungi Perpustakaan Universiti Teheran yang mempunyai koleksi manuskrip lebih daripada 20,000 buah, dan Perpustakaan Majlis (Parlimen Iran) mempunyai koleksi manuskrip lebih daripada 17,000 buah.

Menurut Pengarah Perpustakaan Majlis, Ghulam Reza Fardaie, 'adalah menjadi kebanggaan perpustakaan di Iran untuk menyimpan dan memelihara khazanah manuskrip, walaupun manuskrip yang sama mungkin ada di perpustakaan lain.

'Lautan Manuskrip' yang sama juga ada di Perpustakaan Negara Iran yang melebihi 40,000 naskhah.

Perpustakaan Negara Iran ditubuhkan pada 1937 sebagai Pusat Pendidikan Sainifik dan Kesarjanaan.

Berdasarkan Akta Perpustakaan Negara Iran yang diluluskan pada 1990, perpustakaan ini beroperasi secara terus di bawah Presiden Republik Islam Iran.

Berdasarkan akta itu juga, Perpustakaan Negara Iran bertanggungjawab memperolehi, memelihara, menyusun dan menyebarkan maklumat dalam bentuk percetakan dan bukan percetakan (non-print) di Iran, yang dihasilkan oleh penulis Iran, sama ada di dalam atau luar negara, khususnya mengenai Iran dan Islam.

Selain melawat perpustakaan, penulis sempat berkunjung ke kedai buku dan penerbit Ansariyan, salah satu penerbit buku terbesar di Iran, di mana 'lautan buku' di dalam pelbagai bahasa seperti Inggeris, Russia, Perancis, Jerman dan Turki dijual.

Apa yang menarik ialah, ada sebuah buku bahasa Melayu bertajuk 'Mengenal Allah' (terjemahan dari bahasa Parsi) turut ada di kedai buku terbabit.

Penulis juga mendapat maklumat daripada penerbit itu bahawa ada lebih daripada 10 buah buku yang ditulis oleh penulis Iran mengenai Malaysia dalam bahasa Parsi dan ini belum termasuk 30 jenis kertas kerja saintifik mengenai Malaysia yang ditulis oleh sarjana-sarjana Iran yang dibentangkan di seminar/persidangan di Iran.

Menurut pengamatan penulis, maklumat mengenai Malaysia semakin diberi

perhatian kerana kemajuan ekonomi negara yang dinamik, di samping Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri cukup dihormati dan dikenali di Iran.

Sebetulnya, Malaysia dan Iran adalah dua negara paling aktif membincangkan isu-isu Islam di peringkat antarabangsa, tidak hairanlah Malaysia amat dihormati di Iran.

Lawatan penulis ke Iran sebenarnya memberi semacam kesedaran bahawa khazanah keilmuan dan peradaban Islam cukup besar, masih segar terpelihara dan paling penting, masih banyak yang perlu dikaji dan dipelajari.